

NEGARA ISLAM



**PARTI ISLAM SEMALAYSIA
(PAS)**

Cetakan Pertama
Sya'ban 1424 / Oktober 2003

hakcipta terpelihara

tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dengan apacara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit

Diterbit dan diedarkan
oleh



**PARTI ISLAM SEMALAYSIA
(PAS)**

Dicetak oleh

Brotsis Info System

312-B, Kompleks Diamond, Bangi Business Park
43650 Bandar Baru Bangi

Tel : 03-8921 0945 Fax : 03-8921 0946 H/S : 016-3727 145
E-mail : bis_brotsis@hotmail.com

(Surah Al-Haaj : 41)

Maksudnya : "Taitu mereka yang jika kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebajikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara mungkar, dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan."

(Surah an-Nisaa' : 58)

Maksudnya : "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil, Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat."

Rasulullah saw bersabda:

Maksudnya : *“Hendaklah kamu dengar dan taat walau pun jika kamu diperintah oleh hamba berbangsa Habsyi, rambutnya berkerinting seperti buah anggur kering, selama mana dia berpegang kepada Kitab Allah ‘Azza wa Jalla.”*

KANDUNGAN

Kata-kata Aluan Presiden PAS	11
Muqaddimah	15
Tasawwur Negara Islam	21
Dasar Utama Pemerintahan Islam	25
Ciri-Ciri Utama Negara Islam	43
Beberapa Polisi Umum Negara Islam	47
Penutup	53

Kata-Kata Aluan Presiden Parti Islam se Malaysia (PAS)

Saya bersyukur ke hadrat Allah swt atas rahmat dan izinNya PAS berjaya menerbitkan suatu dokumen yang sangat penting dalam sejarah perjuangan PAS di waktu seluruh masyarakat menanti-nantikan kehadirannya. Dengan terbitnya dokumen ini akan terjawablah segala tohmahan dan fitnah yang ditaburkan oleh musuh-musuh PAS kononnya PAS tidak akan menubuhkan Negara Islam malah pernah dikatakan bahawa seluruh ahli-ahli PAS tidak pernah berniat sedikitpun untuk menubuhkan Negara Islam di Malaysia.

Sesungguhnya kewajiban menegakkan Negara Islam adalah sama penting dengan kewajiban melaksanakan ibadat-ibadat wajib yang lain berpandukan kepada kaedah fiqh yang makruf:

Maksudnya, “Sesuatunya yang tidak dapat disempurnakan yang wajib melainkan dengannya maka yang itupun menjadi wajib.”

Di atas kesedaran itulah PAS telah memperjuangkan Islam sebagai “Ad-deen wad-daulah” agama dan negara yang ditegakkan di Negara Malaysia yang tercinta, yang diasaskan di atas prinsip-prinsip syariat berpandukan firman Allah swt:

(Surah al-Maa'idah, ayat 48)

Maksudnya, *“Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (al-Qur'an) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka jalankanlah hukum di antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu), dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng) dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran. Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu,*

Kami jadikan (tetapkan) suatu syari'at dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing). Dan kalau Allah menghendaki nescaya Ia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi Ia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal salih). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka Ia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya.”

Hasil dari penat lelah dan usaha berterusan yang telah dilakukan oleh seluruh peringkat pendukung-pendukung PAS, konsep Islam yang syumul telah diterima oleh seluruh masyarakat. Benarlah firman Allah swt:

(Surah an-Nisa', ayat 65)

Maksudnya, “Maka demi Tuhanmu (wahai Muhmmad)! Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa dihati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.”

Cita-cita untuk melaksanakan Islam dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara telah membuahkan hasilnya apabila Kelantan dan Terengganu berjaya diperintah oleh PAS. Dengan kejayaan itu Islam telah dipraktikkan dalam pemerintahan dan pentadbiran di dua buah negeri tersebut dalam bidang kuasa undang-undang yang dibolehkan, dengan mengambil kira sekatan-sekatan dan halangan-halangan yang terpaksa dihadapi.

Adalah diharapkan dengan tersebarnya dokumen Negara Islam ini, akan jelaslah kepada masyarakat Malaysia konsep Negara Islam yang diperjuangkan oleh PAS selama ini, sekaligus dapat menjelaskan tasawwur Negara Islam yang hakiki (tulen) bukan taqlidi (saduran).

Seandainya PAS diberi mandat untuk memerintah Malaysia, Insya' Allah, sebuah Negara Islam seperti yang digariskan dalam dokumen ini akan dilaksanakan sebaik mungkin.

“MENUJU KEMENANGAN”

ALLAHU AKBAR!!

Yang benar

Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang
Presiden
Parti Islam se Malaysia (PAS)

Sya'ban 1424 / Oktober 2003

MUQADDIMAH

1. Islam adalah Agama atau ad-Deen (satu cara hidup) yang sempurna-lengkap, diwahyukan oleh Allah swt bukan sahaja bagi memelihara kemaslahatan seluruh manusia bahkan seluruh alam ini. Allah swt berfirman dalam al-Qur'an:

(Surah Al-Anbiyaa', ayat 107)

Maksudnya : *“Dan tidaklah Kami utus engkau (Wahai Muhammad) melainkan sebagai rahmat bagi seluruh alam.”*

2. Dari kefahaman dan keyakinan sesungguhnya Allah swt adalah Pencipta dan Pengatur alam ini, maka Allah swt jualah yang membekalkan manusia hidayah dan bimbingan bagi mengatur keseluruhan sistem hidup individu, masyarakat dan negara. Pemerintahan Islam merupakan wadah yang penting bagi menyampaikan kepada tujuan kemaslahatan manusia.

3. PAS amat menyedari tuntutan realiti dan sensitiviti masyarakat berbilang agama, etnik dan budaya di negara ini. Sejak awal penubuhannya, PAS telah menjelaskan kedudukan Islam sebagai satu cara hidup beragama yang sempurna-lengkap, menyeluruh dan merangkumi seluruh aspek kehidupan individu, masyarakat, negara dan tata-hubungan antarabangsa.
4. Sejarah politik tanah air telah menyaksikan sejak penubuhannya pada tahun 1951, PAS tetap konsisten dalam memelihara amalan dan etika demokrasi berparlimen sebagai pendekatan terbaik untuk merealisasikan cita-cita, visi dan misi perjuangan parti politik ini.
5. PAS adalah sebuah parti politik memperjuangkan Islam yang syumul menggariskan beberapa panduan utama untuk dihayati dalam melaksanakan tuntutan mendirikan negara Islam.
6. PAS sangat komited dalam memelihara kedua-dua kepentingan agama dan negara, merakamkan tujuan perjuangannya secara jelas dan nyata dalam peruntukan Perlembagaan parti dalam Fasal 5 cerai an i dan ii.
 - i. “memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang mengamalkan nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah swt.”

- ii. “mempertahankan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan Negara.”

Dalam Fasal 7 pula, PAS menegaskan bahawa:

“Adapun hukum yang tertinggi sekali dalam pegangan PAS ialah KITAABULLAH dan SUNNAH RASUL serta Ijmak ulamak dan Qias yang terang dan nyata.”

7. Negara Islam telah berjaya ditegakkan dalam masyarakat majmuk sejak zaman Nabi Muhammad saw di Madinah, Khulafa' ar-Rashidin dan hendaklah dilaksanakan hingga ke akhir zaman.
8. "Sahiiifah Madinah" adalah merupakan sebuah piagam yang menentukan hak dan tanggungjawab secara adil kepada masyarakat majmuk dan mereka yang tinggal dalam negara.
9. Al-Qur'an dan as-Sunnah telah menggariskan asas negara Islam dalam berbagai pendekatan yang menuju kepada ketaatan kepada perintah Allah swt seperti firmanNya:

(Surah az-Zaariyaat : 56)

Maksudnya : *“Dan tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepadaKu.”*

10. Meletakkan al-Qur'an dan as-Sunnah sebagai sumber rujukan utama dalam sistem pemerintahan, pentadbiran dan perundangan adalah satu kemestian kepada sebuah negara Islam, berpandukan firman Allah swt dalam al-Qur'an:

(Surah an-Nisaa' : 105)

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, supaya engkau menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu (melalui wahyuNya) dan janganlah engkau menjadi pembela bagi orang-orang yang khianat.”

11. Negara Islam adalah berteraskan hukum Allah swt yang bersifat Ar-Rahman dan Ar-Rahim. Dengan itu mustahil undang-undang yang dilaksanakan itu akan berlaku kezaliman.
12. Negara Islam adalah sebuah negara ideal yang amat dinantikan kelahirannya oleh seluruh umat manusia yang menyintai keamanan dan keadilan yang sejati.

13. Negara Islam sebenar adalah sebuah negara yang aman makmur di samping mendapat keredhaan Allah swt. Apabila keamanan digabungkan dengan pengampunan Allah swt, maka keamanan sebenar akan lahir.
14. Muslim dituntut menyebut dalam solat:

Maksudnya : *“Sesungguhnya solatku, ibadatku, hidup dan matiku kerana Allah Tuhan sekalian alam.”*

Ikrar di atas yang diulangi dalam setiap kali solat, tidak ada ertinya selagi tuntutan ikrar itu tidak dipenuhi. Bagi memenuhi tuntutan itu, maka sebuah negara Islam yang sebenar perlu diwujudkan

15. Selagi tidak ditegakkan negara Islam, maka ikrar tersebut tidak dapat dimanifestasikan dalam segenap aspek kehidupan.
16. Sistem pemerintahan Islam seperti yang telah digariskan di atas menjadi pegangan mukmin yang benar imannya demi menghayati Islam yang tulen.

TASAWWUR NEGARA ISLAM

Bertitik tolak daripada kefahaman Islam yang syumul, iaitu yang melibatkan agama dan negara () maka terbentuklah tasawwur negara Islam. Ia adalah negara yang menghayati tuntutan Islam yang sebenar dalam segala bidang, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Antara gambaran negara Islam adalah seperti berikut :

- Negara Islam adalah sebuah negara kebajikan yang diasaskan di atas prinsip syara' demi mendaulatkan Islam sebagai ad-Deen yang lengkap sempurna, menuju kebahagiaan dunia dan akhirat.
- Negara Islam dipimpin oleh seorang ketua negara yang bertaqwa kepada Allah swt dan yang terbaik di kalangan ummah. Dengan kepimpinannya, negara tersebut tunduk patuh kepada perintah Allah swt dan RasulNya dalam segenap bidang kehidupan.

Negara Islam

- Negara Islam adalah negara yang bertaqwa dan berbarakah, aman makmur di bawah keredhaan Allah swt seperti disebut dalam al-Qur'an:

(Surah al-A'raaf, ayat 96)

Maksudnya : *"Dan (Tuhan berfirman lagi): sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan."*

- Syari'at Islam menjadi pegangan utama pemerintah dalam menjalankan segala aktiviti pembangunan negara.
- Seluruh rakyat Islam akan dididik ke arah menghayati Islam yang syumul untuk melahirkan nilai-nilai murni dalam pembangunan masyarakat dan negara. Apabila peraksanaan undang-undang Islam berjalan dengan

baiknya, maka lahirlah sebuah negara yang bertaqwa. Dengan bertaqwa maka berbagai perkara positif akan berlaku seperti yang dijanjikan Allah swt dalam al-Qur'an, antaranya bantuan Allah swt untuk menyelesaikan masalah yang timbul di samping kekayaan yang melimpah ruah.

- Dengan pelaksanaan hukum Allah swt, termasuk Hukum Hudud, maka akan amanlah masyarakat dari perbuatan jenayah seperti yang dijanjikan Allah swt dalam al-Qur'an:

(Surah al-Maa'idah : 38)

Maksudnya : “Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

Hukum tersebut di atas adalah hukum Allah swt yang wajib dipatuhi.

Negara Islam

- Orang bukan Islam akan terus menikmati kebebasan beragama dan mengamalkan cara hidup mereka tanpa disekat atau dihalang oleh pemerintah Islam berdasarkan kepada ayat al-Qur'an:

(Surah al-Baqarah, ayat 256)

Maksudnya : *“Tidak ada paksaan dalam agama (Islam).”*



DASAR UTAMA PEMERINTAHAN ISLAM

1. Negara undang-undang

Asas penting dan utama yang perlu dipegang oleh pemerintah Islam ialah melaksanakan syari'at Allah swt. Pencipta undang-undang hakiki ialah Allah swt bersesuaian dengan firmanNya dalam al-Qur'an:

(Surah Yuusuf, ayat 40)

Maksudnya : *“Sebenarnya hukum (undang-undang) hanyalah bagi Allah. Ia memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia. Yang demikian itulah agama yang betul, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.”*

Allah swt mewajibkan pemerintah melaksanakan apa sahaja yang diturunkan kepada mereka, dan melarang mengambil sumber lain sebagai sumber hukum.

Hal ini ditekankan oleh Allah swt dalam al-Qur'an:

(Surah al-Maa'idah, ayat 44)

Maksudnya : *“Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang yang kafir.”*

(Surah al-Maa'idah, ayat 45)

Maksudnya : *“Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang yang zalim.”*

(Surah al-Maa'idah, ayat 47)

Maksudnya : *“Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang yang fasik.”*

Perlaksanaan hukum Hudud, Qisas dan Ta'zir hanya dikenakan ke atas orang Islam sahaja. Penduduk bukan Islam diberi pilihan sama ada hendak menerima hukum tersebut atau *Common Law*. Firman Allah swt dalam al-Qur'an:

(Surah al-Maa'idah, 42)

Maksudnya: *“Mereka suka mendengar berita-berita dusta, sangat suka memakan segala yang haram (rasuah dan sebagainya). Oleh itu kalau mereka datang kepada kamu, maka hukumlah di antara mereka (dengan apa yang telah diterangkan oleh Allah), atau berpalinglah dari mereka; dan kalau engkau berpaling dari mereka maka mereka tidak akan dapat membahayakanmu sedikitpun; dan jika engkau menghukum maka hukumlah di antara mereka dengan adil; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil.”*

Sekiranya dengan melaksanakan yang tersebut di atas dikatakan PAS tidak adil, maka ketetapan Allah swt dalam

ayat ini juga tidak adil. Memberi pilihan kepada orang bukan Islam sama ada menerima hukum Hudud, Qisas dan Ta'zir atau sebaliknya bukanlah ketentuan yang PAS berikan kepada mereka tetapi ketetapan Allah yang jelas dan nyata. Sebarang pertikaian dalam perkara ini sekali gus mempertikaikan hukum Allah.

2. Khilaafah

Manusia pertama yang diciptakan Allah swt adalah Adam dan dilantik sebagai khalifah. Khalifah dalam konteks ini adalah merupakan suatu jawatan yang dikhususkan untuk mengawal agama Allah swt dan mentadbir negara dengannya. Allah swt berfirman dalam ayat-ayat di bawah dalam al-Qur'an:

(Surah al-A'raaf, ayat 3)

Maksudnya : *“(Katakanlah kepada mereka wahai Muhammad), Turutlah apa yang telah diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu, dan janganlah kamu menurut pemimpin-pemimpin yang lain dari Allah, (tetapi sayang) amatlah sedikit kamu mengambil peringatan.”*

(Surah Faatir, ayat 39)

Maksudnya: *“Dialah yang menjadikan kamu orang-orang yang berkuasa di muka bumi silih berganti; oleh itu sesiapa yang kufur ingkar maka balasan kufurnya itu akan menimpa dirinya sendiri dan orang-orang yang kafir, kufurnya tidak menambahkan mereka di sisi Tuhan mereka melainkan kemurkaan dan kehinaan dan juga orang-orang yang kafir itu, kufurnya tidak menambahkan mereka melainkan kerugian jua.”*

(Surah al-A'raaf, ayat 69)

Maksudnya : *"Adakah kamu merasa ragu-ragu dan hairan tentang datangnya kepada kamu nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, melalui seorang lelaki dari golongan kamu, untuk*

memberi peringatan kepada kamu? Dan kenanglah ketika Allah menjadikan kamu khalifah-khalifah sesudah kaum Nabi Nuh dan Allah telah menambahkan kamu kelebihan (dan kekuatan) pada bentuk kejadian tubuh kamu. Maka kenanglah akan nikmat-nikmat Allah supaya kamu berjaya."

(Surah Yuunus, ayat 14)

Maksudnya : "Kemudian Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) khalifah-khalifah di bumi menggantikan mereka yang telah dibinasakan itu, supaya Kami melihat apa pula corak dan bentuk kelakuan yang kamu akan lakukan."

(Surah Yuunus, ayat 73)

Maksudnya : "Mereka tetap juga mendustakan Nabi Nuh, lalu Kami selamatkan dia bersama-sama pengikut-pengikutnya yang beriman di

dalam bahtera dan kami jadikan mereka pengganti-pengganti (yang memakmurkan bumi) serta Kami tenggelamkan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami (dengan banjir dan taufan sehingga punah-ranah semuanya). Maka lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang (yang mendustakan ayat-ayat kami) setelah diberi amaran."

(Surah al-An'aam, ayat 165)

Maksudnya : "Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Dia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksaNya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

Maksud khalifah ialah pengganti yang akan melaksanakan tugas yang sesuai dengan jawatan itu. Tugas sebenar manusia menjadi khalifah supaya manusia melaksanakan tuntutan Allah swt dan melaksanakan perintahNya. Seandainya manusia, terutamanya pemerintah, tidak melaksanakan

Negara Islam

perintah Allah swt tetapi sebaliknya menjalankan hukum ciptaan mereka, maka mereka menjadi pengkhianat amanah Allah swt dan mereka tidak layak lagi digelar khalifah.

Hal ini ditegaskan oleh al-Qur'an:

(Surah al-Baqarah, ayat 30)

Maksudnya : *“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat : Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.”*

Dengan yang demikian, negara Islam akan menghayati tuntutan kekhalifahan manusia di muka bumi yang dengannya akan lahir suatu sistem Ilahi untuk kebajikan dan kemakmuran insan sejagat.

3. Taqwa

Para ulamak mendefinisikan taqwa sebagai:

Maksudnya : *“Mematuhi perintah Allah dan menjauhi laranganNya.”*

Taqwa merupakan asas penting dalam negara Islam. Dengan taqwa, rahmat Allah swt akan datang mencurah-curah, kejahatan terhindar dan masalah akan terungki seperti yang dijanjikan oleh Allah swt dalam al-Qur'an:

(Surah at-Talaaq, ayat 2-3)

Maksudnya : *“Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya. Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu.”*

(Surah at-Talaaq, ayat 4)

Maksudnya : *“Dan (ingatlah), sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah memudahkan baginya segala urusannya.”*

(Surah at-Talaaq, ayat 5)

Maksudnya : *“Dan (ingatlah), sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah menghapuskan kesalahan-kesalahannya, dan akan membesarkan pahala balasannya.”*

Negara Islam perlu digarap secara sungguh-sungguh untuk melahirkan negara taqwa dengan pemerintahnya menjadi 'role model'. Malah seluruh sistem yang akan dilaksanakan dalam pemerintahan hendaklah memiliki ciri-ciri ketaqwaan untuk mencapai keredhaan Allah swt.

4. Syura

Islam menggunakan kaedah syura sebagai salah satu dasar pemerintahannya. Kaedah ini menepati arahan Allah swt dalam al-Qur'an:

(Surah asy-Syuuraa, ayat 38)

Maksudnya : *“Dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepadanya.”*

(Surah Aali 'Imraan, ayat 159)

Maksudnya : *“Dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya.”*

Syura dilaksanakan dalam semua hal berkaitan dengan pentadbiran dan penyelesaian masalah ummah dengan mengambil kira masalah dan mafsadah. Syura tersebut hanya boleh dilaksanakan dalam perkara yang boleh diijtihadkan sahaja. Adapun perkara yang telah dinaskan secara qat'i, maka syura tidak boleh mengubahnya.

Syura akan menjadikan Dewan Rakyat sebagai majlis mesyuarat yang merealisasikan kebebasan bersuara melalui wakil-wakil mereka. Sementara Dewan Negara akan bertindak sebagai badan penapis dan pemutus kepada perkara yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

5. Al-'Adaalah wal-Musaawaah

Al-Adaalah bermaksud keadilan dan al-Musaawaah bermaksud kesamarataan. Keadilan dan kesaksamaan adalah satu lagi asas pemerintahan Islam seperti yang diperintahkan oleh Allah swt dalam al-Qur'an:

(Surah al-Maa'idah : 8)

Maksudnya : “Wahai orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertawalah kepada Allah, sesungguhnya Allah maha mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.”

(Surah an-Nisaa', 135)

Maksudnya : *“Wahai orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang yang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekali pun terhadap diri kamu, atau ibubapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar belitkan keterangan atau pun enggan (dari menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.”*

Berdasarkan ayat di atas, jelaslah bahawa konsep keadilan dan kesaksamaan sebenar hanya dapat dilaksanakan apabila sesuatu pemerintahan melaksanakan Islam secara menyeluruh dalam segenap sistemnya. Keadilan dan kesaksamaan akan hanya dapat dinikmati oleh penduduk muslim dan non-muslim apabila ketentuan Allah swt dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Keadilan dari perspektif Islam tidaklah sama dengan pemahaman umum iaitu persamaan (equality) atau sama bahagi (fairness). Al-Adalah bermaksud meletakkan sesuatu itu kena pada tempatnya. Al-Musaawaah bermaksud kesamarataan dan ini merujuk kepada persamaan status ummah dalam negara Islam. Perbezaan yang wujud adalah dari segi ketaqwaan sahaja berdasarkan hadis Nabi Muhammad saw:

Maksudnya : *“Tiada kelebihan orang Arab berbanding dengan bukan Arab kecuali dengan taqwa.”*

Firman Allah swt dalam al-Qur'an:

(Surah al-Hujuraat, ayat 13)

Maksudnya: *“Sesungguhnya manusia yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di kalangan kamu.”*

6. al-Hurriyyah

Al-Hurriyyah (kebebasan) adalah suatu nilai kehidupan yang diimpikan oleh setiap manusia. Sayyidina Umar al-Khattab pernah menyebut:

Yang ertinya, *“Mengapa diperhambakan manusia sedangkan mereka dilahirkan oleh ibunya dalam keadaan merdeka.”*

Sebelum kelahiran Islam, perhambaan ke atas manusia menjadi amalan masyarakat. Salah satu tujuan Islam diutuskan adalah untuk membebaskan manusia dari perhambaan.

Negara Islam adalah negara yang mengamalkan kebebasan dan hak itu dijamin kepada rakyatnya. Di antara kebebasan yang dijamin oleh Islam ialah:

- i. kebebasan akidah
- ii. kebebasan individu
- iii. kebebasan bersuara, berpersatuan dan berpolitik
- iv. kebebasan hak milik
- v. kebebasan pendidikan
- vi. kebebasan beragama
- vii. kebebasan mencari rezeki

Semua kebebasan yang tersebut di atas dan lain-lain bentuk kebebasan yang tidak bercanggah dengan syara' terutama yang dijamin oleh hak asasi manusia akan mendapat tempat dalam negara Islam tanpa diganggu gugat. Allah berfirman dalam al-Quran:

(Surah al-Kahfi, ayat 29)

Maksudnya : *“Dan Katakanlah (wahai Muhammad) Kebenaran itu ialah yang datang dari Tuhan kamu, maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah ia beriman; dan sesiapa yang mahu kufur ingkar, biarlah dia mengingkarinya.”*

Kebebasan dalam negara Islam bukanlah suatu hak mutlak (absolute right) tetapi dipandu oleh peraturan yang melindungi hak orang lain yang mungkin terganggu kerana disalah gunakan. Islam tidak mengakui kebebasan mutlak kerana ianya akan mengancam dan mengganggu kebebasan orang lain.

7. As-Siyaadah wal-Haakimiyyah

Maksud as-Siyaadah wal-Haakimiyyah ialah hak ketuanan mutlak (sovereignty). Negara Islam adalah negara yang mempunyai hak ketuanan mutlak yang tidak boleh diganggu

gugat. Hak ketuanan itu adalah khusus milik Allah swt. Dialah Pencipta sebenar dan Dialah sahaja yang berhak menentukan hukum-hukum qati yang menjadi milikNya.

Firman Allah swt dalam al-Qur'an:

(Surah Yuusuf, ayat 40)

Maksudnya : "Sebenarnya hukum (undang-undang) hanyalah bagi Allah. Ia memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia. Yang demikian itulah agama yang betul, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."

As-Siyaadah merupakan dasar utama pemerintahan yang jelas membezakan antara negara Islam hakiki (sebenar) dengan negara Islam tiruan (saduran). Dengan adanya dasar ketuanan ini jelas membuktikan bahawa manusia adalah hamba Allah swt dan dijadikan manusia untuk mengabdikan diri kepadaNya. Tanpa as-Siyaadah, manusia seolah-olah bertindak sebagai Tuhan yang mengetahui segala-galanya tanpa merujuk kepada Allah swt. Dengan as-Siyaadah juga manusia akan sentiasa bergantung dan mengharapkan rahmat Allah swt untuk mendapat sesuatu yang tidak boleh dicapai dengan kudrat manusia kerana

Negara Islam

kelemahannya lalu bergantung kepada Allah swt. Dengannya manusia akan menjadi hamba Allah swt untuk mendapat keredhaanNya di dunia dan di akhirat.



CIRI-CIRI UTAMA NEGARA ISLAM

Berdasarkan kepada dasar utama pemerintahan Islam yang telah digariskan di atas, lahirlah ciri-ciri utama negara Islam. Semua ciri-ciri di bawah akan dijadikan teras dalam pelaksanaan polisi dan pembangunan negara.

Antara ciri-ciri utama itu ialah:

- Negara berdaulat
 - Kedaulatan sesebuah negara merupakan tonggak utama.
 - Kedaulatan negara boleh dicapai melalui kesetiaan kepada kepimpinan negara, keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang selama mana tidak bercanggah dengan perintah Allah swt.
- Agama yang diikuti
 - Sebagai sebuah negara bertunjangkan agama, kepercayaan kepada Allah swt yang Maha Kuasa merupakan ciri utama.

Negara Islam

- Setiap rakyat seharusnya mentaati agama masing-masing. Kepada penganut Islam, mereka tiada pilihan kecuali menghayati ajaran agama mereka dalam segenap aspek kehidupan.
- Melaksanakan syariah bagi menjamin lima asas kehidupan
 - i. agama/kepercayaan
 - ii. nyawa
 - iii. akal
 - iv. maruah dan keturunan
 - v. hartabenda

Dengan perlaksanaan hukum syariah, semua jenayah yang melibatkan lima perkara asas di atas akan dapat dikawal. Undang-undang ciptaan manusia terbukti gagal memberikan jaminan keselamatan dan kehormatan sebenar.

- Kesetiaan kepada negara
 - Rakyat dituntut memberikan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada kepimpinan negara selagi mana tidak bercanggah dengan kehendak syara'.
 - Jika pemimpin gagal memikul amanah kepimpinan, rakyat berhak untuk menarik balik ketaatan mereka.

- Pertanggungjawaban dan ketelusan
 - Rakyat berhak mempersoalkan ketelusan kepemimpinan di semua peringkat.
 - Pemimpin bukan sahaja dipersoalkan oleh rakyat dan institusi Hisbah tetapi juga akan dipersoalkan oleh Allah swt pada hari Kiamat.
- Menegakkan makruf dan mencegah mungkar
 - Prinsip menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran akan dihidupkan dalam masyarakat sehingga menjadi tanggungjawab seluruh warganegara.
 - Seluruh warganegara akan menegakkan kebaikan dan mencegah kemungkaran dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara.
 - Prinsip ini menjadi ciri penting yang membezakan antara sebuah negara Islam tulen dengan negara Islam tiruan.
- Negara berkebijakan
 - Negara Islam sangat mengambil berat kebijakan rakyat.
 - Pemimpin akan sedia mendengar segala masalah rakyat.
 - Pemimpin adalah khadam kepada rakyat.
- Syura Berparlimen dan Raja Berperlembagaan
 - Negara Islam akan memperkukuhkan amalan Syura Berparlimen dan Raja Berperlembagaan di Malaysia berpaksikan ajaran Islam.

Negara Islam

- Pembangunan bersepadu, progresif dan mesra teknologi
 - Aspek pembangunan fizikal akan disepadukan dengan kerohanian untuk membentuk sebuah negara progresif berdasarkan kemajuan teknologi terkini.



BEBERAPA POLISI UMUM NEGARA ISLAM

Berdasarkan ciri-ciri utama yang telah diterangkan di atas, PAS juga akan menyusun beberapa polisi umum dalam pelbagai bidang. Segala polisi ini akan menjadi teras kepada pembangunan negara. Antara aspek utama yang akan diambil perhatian serius ialah:

- **Ekonomi**
 - Kegiatan ekonomi akan dipertingkatkan berasaskan kepada prinsip syara'.
 - Rakyat bebas menjalankan kegiatan ekonomi di bawah bimbingan syariah.
 - Amalan riba akan dibanteras secara berperingkat dalam semua aktiviti ekonomi.
 - Memberikan peluang kepada semua rakyat terlibat dalam semua aktiviti ekonomi.
 - Memastikan tiada amalan negatif seperti penipuan, monopoli, rasuah, kronisme dan nepotisme.
 - Jurang antara miskin dan kaya dirapatkan.
 - Pengagihan kekayaan secara adil agar tidak hanya berlegar di kalangan orang kaya sahaja.

- **Pembangunan sosial**
 - Membentuk masyarakat berakhlak mulia.
 - Membentuk masyarakat seimbang dan penyayang.
 - Menyemarakkan pembangunan insan yang menyeluruh dan sistematik.
 - Membentuk hubungan sosial yang sihat.
 - Membentuk suasana kehidupan yang lebih sejahtera.
 - Menyediakan program pembangunan sosial yang menjurus kepada semangat patriotik.
 - Menekankan konsep ihsan dalam pembangunan sosial.
 - Menjadikan institusi keluarga sebagai asas pembangunan sosial.

- **Pertahanan**
 - Meningkatkan prasarana pertahanan secukupnya demi mempertahankan negara dari gangguan asing.
 - Mengadakan perkongsian pintar dengan negara jiran dalam mempertahankan kepentingan serantau.
 - Melibatkan seluruh rakyat dalam pasukan pertahanan negara berdasarkan kemampuan dan kesesuaian masing-masing.

- **Dasar Luar**
 - Mengadakan perkongsian pintar dalam merangka dasar luar negara yang seiring dengan kepentingan serantau.

- Meningkatkan semangat permuafakatan sesama negara Islam demi kepentingan bersama.
- Mempertahankan dasar luar yang bebas dan berkecuali.
- Kesihatan
 - Menekankan aspek kesihatan yang lebih menyeluruh merangkumi aspek fizikal, mental dan rohani.
 - Menyediakan skim perubatan dengan bayaran minimum kepada seluruh rakyat.
 - Meningkatkan taraf kesihatan penduduk luarbandar dan kawasan pedalaman.
 - Menyediakan perubatan alternatif kepada rakyat
 - Menekankan kepentingan usaha “mencegah lebih utama dari mengubat”.
- Pendidikan
 - Menyediakan sistem pendidikan bersepadu ke arah membina insan bertaqwa dan berakhlak mulia.
 - Menyediakan prasarana pendidikan agama yang sistematik dan berkesan.
 - Menyediakan pendidikan asas secara percuma kepada seluruh rakyat.
 - Menggalakkan pendidikan berasaskan bahasa ibunda.
 - Meluaskan pendidikan bahasa ibunda.
 - Mengekalkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di samping menggalakkan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

- Menggalakkan kepentingan pendidikan yang menjurus kepada kebahagiaan dunia dan akhirat.
 - menyediakan prasarana pendidikan yang cukup khususnya di kawasan pedalaman.
 - Menyediakan dasar pendidikan negara yang lebih komprehensif ke arah pembentukan negara maju.
 - Menggalakkan penggunaan dan penguasaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.
- Dasar Wanita
 - Memartabatkan wanita sesuai dengan fitrahnya.
 - Menyediakan Dasar Pembangunan Wanita yang lebih bersepadu.
 - Memberikan peluang wanita bersaing dengan kaum lelaki di bawah kawalan syariah.
 - Melindungi wanita dari kemelut eksploitasi dalam segenap bidang.
 - Menyediakan pelan strategik untuk wanita Malaysia alaf baru.
 - Memperkukuhkan kesatuan wanita se Malaysia tanpa tembok agama, bangsa dan keturunan.
 - Dasar Belia
 - Menekankan aspek akhlak dalam pembinaan Dasar Pembangunan Belia Negara yang lebih komprehensif.
 - Menyusun program khusus kepada belia yang membebaskan mereka dari kemelut gejala sosial.

- Menyediakan peluang pendidikan teknikal yang lebih luas.
 - Menyemarakkan potensi belia sebagai pewaris kepimpinan negara.
 - Menekankan program belia berpatriotik, bersemangat waja, sihat dan berpandangan jauh.
- Kebudayaan
 - Membentuk Dasar Kebudayaan Nasional yang melambangkan budaya dan citra rakyat Malaysia yang tidak bercangah dengan syara'.
 - Memberikan kebebasan mempamerkan budaya pelbagai kaum dengan lebih harmonis dan dinamik
 - Memperkukuhkan budaya ketimuran yang tidak bercangah dengan agama.
 - Pelancongan
 - Membentuk Dasar Pelancongan Negara sesuai dengan tuntutan Islam.
 - Mengurangkan kesan negatif dari kehadiran pelancong asing.
 - Menggalakkan penyertaan rakyat dalam industri pelancongan yang sihat.
 - Kemudahan Awam
 - Menyediakan kemudahan awam adalah agenda utama negara.

- Mengurangkan penggunaan wang rakyat dalam penyediaan kemudahan awam.
 - Meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya menjaga harta awam.
 - Meningkatkan kesedaran sivik dalam masyarakat.
-
- Dasar Penerangan Negara dan ICT
 - Membentuk pandangan umum (public opinion) yang sihat dan serasi dengan kehendak Islam dan nilai murni sejagat.
 - Menjadikan penerangan sebagai alat penting dalam penyebaran dakwah Islamiah.
 - Mengambil manfaat kemajuan ICT dalam program pembangunan negara.
 - Menjadikan kemajuan ICT sebagai medium penyebaran maklumat yang bermanfaat berasaskan kebenaran.

PENUTUP

“Membangun Bersama Islam” akan digarap dan dihayati untuk membina negara Islam.

Islam penyelesaian kepada semua masalah termasuk masalah dalam masyarakat majmuk.

Penghayatan Syura Berparlimen dan Raja Berperlembagaan dapat disuburkan melalui pemerintahan Islam.

Negara Islam menjamin kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan hidup.

Negara makmur dan mendapat keredhaan Allah swt.